



Kenyataan Media

CYBERJAYA

16 Mac 2020

SALURAN TELEGRAM RASMI TANGANI PENYEBARAN BERITA PALSU

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mewujudkan sebuah saluran Telegram rasmi bagi portal Sebenarnya.my yang akan memberikan fokus kepada usaha untuk menangani penyebaran berita palsu di media sosial termasuk isu Covid-19.

Pihak awam yang mempunyai kemosyikilan mengenai sesuatu berita termasuk Covid-19, sama ada ia sahih atau palsu, boleh mendapatkan pengesahan maklumat mutakhir dengan pantas dan tepat melalui pautan <https://t.me/sebenarnyamy>.

Berita yang dimuat naik dalam saluran rasmi Telegram Sebenarnya.my itu akan ditentusahkan oleh pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam hal Covid-19.

Dalam hal Covid-19 khususnya, MCMC akan berkongsi semua kandungan sama ada yang berbentuk berita, pengumuman, kesedaran, peringatan mahupun soalan-soalan lazim yang telah ditentusahkan oleh pihak KKM sama ada melalui akaun media sosial rasmi mereka, mahupun melalui *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)*, KKM yang dipetik daripada pautan: <https://t.me/cprckkm>.

Usaha menangani berita palsu adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu, pihak awam dinasihatkan agar tidak menyebarkan berita yang belum dipastikan kesahihannya bagi mengelakkan kekeliruan yang tidak diingini. MCMC akan terus mempergiatkan usaha penguatkuasaan dalam mengawal penularan berita palsu demi kemakmuran bersama.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my atau hubungi Jabatan Komunikasi Korporat:

Kamalavacini Ramanathan
Pengarah
Tel: +6010-2251073

Markus Lim Han King
Timbalan Pengarah
Tel: +6012-2995027

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



SKMM_MCMC



MCMCTV